

**BERITA ONLINE  
BERITA HARIAN  
TARIKH: 15 NOVEMBER 2021  
(ISNIN)**



## **COVID-19 dorong perintis tempatan tumpu kepada IR4.0**

Oleh Rafidah Mat Ruzki - November 15, 2021 @ 12:11pm  
[fidahruzki@bh.com.my](mailto:fidahruzki@bh.com.my)



Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba

PUTRAJAYA: Penularan pandemik COVID-19 turut memberi kesan kepada sektor ekonomi yang selama ini sangat bergantung kepada pekerja asing dalam meneruskan rantai penawaran ekonomi.

Berikut itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata beliau percaya pendekatan penjenteraan Malaysia membolehkan perintis tempatan negara memberi tumpuan kepada Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0) pada masa depan.

Beliau berkata, sebagai sebahagian daripada pelan pemulihan negara, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berperanan penting dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12), dalam mengembalikan pembangunan dan kestabilan ekonomi, selain melonjakkan pertumbuhan ekonomi negara melalui sains, teknologi serta inovasi (STI).

Katanya, wabak COVID-19 mendorong manusia menerima teknologi baharu bagi memastikan kelangsungan perniagaan dan kehidupan sewaktu kemerosotan ekonomi.

"Di masa depan, kita perlu membina semula ekonomi dan muncul daripada pandemik ini sebagai sebuah masyarakat yang lebih kuat.

"Saya percaya kunci utama memperkasakan masyarakat daripada sebagai pengguna teknologi kepada pencipta teknologi adalah untuk Keluarga Malaysia memberi tumpuan kepada pembangunan dan penggunaan teknologi termaju," katanya pada sesi webinar bertajuk Rancangan Ke-12: Pemerkasaan Pembangunan dan Pengkomersialan Teknologi, yang diadakan secara dalam talian, hari ini.

Dr Adham berkata, RMK-12 dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebelum ini, bertepatan untuk mengatasi kesan COVID-19, dengan mengubah beberapa industri dan aktiviti strategik termasuk elektrikal serta elektronik dan pertanian pintar.

Justeru, beliau berkata, Keluarga Malaysia perlu bergerak maju dengan teknologi automasi dan penjenteraan dalam rantaian proses pembuatan.

"MOSTI komited memperkasakan sektor ekonomi Malaysia dalam bidang pertanian, pembuatan, perkhidmatan dan mitigasi bencana untuk lebih berdasarkan teknologi.

"Contohnya, penggunaan penyelesaian digital seperti analisis data besar, kecerdasan buatan, 'blockchain' dan teknologi penderia (sensor).

"Tatkala Malaysia meningkatkan penggunaan IR4.0, kita seharusnya memastikan semua pihak bersedia. Syarikat perlu mengubah model perniagaan mereka untuk lebih berdaya tahan, manakala tenaga kerja perlu menjalani latihan intensif untuk menangani jurang yang mungkin ada bagi memastikan mereka diambil bekerja," katanya.